



SLEEP OVER & NIGHT SAFARI AT THE SABAH MUSEUM

SINOPSIS

“Sleep Over & Night safari” adalah satu program khusus yang disediakan bagi memberi peluang kepada orang ramai, terutama remaja (dalam lingkungan umur 13 hingga 17 tahun, melalui pengalaman hidup yang biasa dialami oleh remaja-remaja suatu ketika dulu, pemodenan yang kita lalui masa kini membawa kepada bentuk kehidupan serba mewah. Pelbagai alat dan kelengkapan hidup senang diperolehi dan remaja-remaja masa kini tidak pernah tahu bagaimana agaknya kehidupan remaja terdahulu. Sebelum pembangunan menyerlah, khasnya bekalan tenaga elektrik dengan kemudahan televisyen, kawasan perkampungan biasanya dalam keadaan gelap dan sunyi pada waktu malam dan kadangkala hanya bergantung kepada cahaya bulan. Perjalanan ke rumah jiran pada waktu malam gelap gulita, contohnya, memberi seribu satu macam pengalaman yang sangat mencabar. Kadang kala melalui tanah perkuburan dan kawasan hutan dengan hanya ada lampu suluh yang kecil. Melalui program ini juga, orang ramai terutama remaja masa kini, berpeluang untuk merasai pengalaman tidur di rumah-rumah tradisi yang biasanya hanya diterangi oleh cahaya bulan dan bintang melalui celah-celah dinding. Suasana malam lebih ketara dirasai apabila hendak ke tandas yang terletak jauh di luar rumah.

Tarikh dan Masa:

6 Mac 2015 hingga 7 Mac 2015 (Jumaat hingga Sabtu)
Jam 3.00 petang hingga jam 10.00 pagi

Program:

Bagi mempelbagaikan pengalaman dan untuk menjadikan program ini menyeronokkan, acara dikendalikan dalam bentuk “Mencari Harta Karun” (Treasure Hunt) dalam kumpulan kecil (3 orang).

Acara 1: Melawat ke galeri-galeri pameran (7.30 malam – 8.30 malam)

Melawat ke galeri-galeri pameran terpilih di Bangunan Utama. Berpandukan pembayang-pembayang yang diberi, peserta boleh mendapatkan jawapan terhadap soalan-soalan yang diajukan di galeri-galeri yang dilawati.

Acara 2: Trail Tracking ke Taman Etnobotani (8.30 malam – 10.30 malam)

Melalui Trail tracking ke Taman Etnobotani melalui trail yang ditetapkan. Dengan berbekalkan lampu suluh dan pembayang-pembayang, peserta boleh mendapatkan jawapan terhadap soalan-soalan yang diajukan disepanjang trail. Mendengar bunyi binatang atau terserempak dengan binatang liar atau binatang buas, atau melalui kawasan perkuburan adalah sesuatu yang mencabar.

Acara 3: Suasana rumah tradisi (11.30 malam – 6.00 pagi)

Tidur di rumah-rumah tradisi dalam suasana gelap, tanpa tilam dengan tandas terletak di luar bangunan, pastinya menjanjikan pengalaman unik yang tersendiri.

Aturcara

6 Mac 2015 (Jumaat)

- 3.00pm-4.25pm - Pendaftaran peserta (Dewan G.C. Woolley)
4.30pm - Bacaan doa, taklimat program & suaikenal
5.50pm - Solat
7.00pm - Makan malam
8.00pm - Kuiz di galeri
8.30pm - Trail Tracking
10.30pm - Makan malam (supper)
11.30pm - Bermalam di Kg. Warisan I

7 Mac 2015 (Sabtu)

- 5.30am - Bangun/Kemas diri/Solat
6.00am - Senam Robik/Zumba
07.30am - Sarapan pagi
08.30am - Perkongsian pengalaman (Dewan G.C. Woolley)
09.30am - Penyampaian sijil/hadiah

Penvertaan dan Syarat

Penyertaan adalah terbuka kepada 2 kategori

Kategori 1 - **Peserta** sama ada secara bersendirian atau secara berkumpulan (kumpulan kecil 3 orang, perempuan dalam kumpulan perempuan dan lelaki dalam kumpulan lelaki). Setiap peserta dikenakan bayaran **RM 30.00 (Tiga puluh ringgit sahaja)**.

Kategori 2 - Peserta kanak-kanak di bawah 12 tahun (yang ditemani oleh ibubapa dan hendaklah juga membayar yuran penyertaan) .

Perbelanjaan pergi ke Muzium dan balik adalah atas tanggungan peserta sendiri. Keperluan dan syarat lain adalah seperti berikut:-

Keperluan Peserta (dibawa sendiri)

1. Pakaian yang sesuai (Talkung dan sejadah bagi peserta muslim, termasuk tuala dan pakaian tidur).
2. Sleeping bag, selimut dan Kelambu (pilihan).
3. Makanan ringan (pilihan).
4. Kelengkapan sendiri seperti sabun, berus gigi dan ubat.
5. Kasut yang sesuai.

Tidak Dibenarkan

1. Membawa telefon bimbit, kamera, radio, alat pemain muzik. (semasa lawatan ke galeri pameran) serta **barang-barang berharga**.
2. Membawa alat / bahan api, benda tajam seperti pisau dan sebagainya.
3. Mengganggu / merosakkan tumbuhan, haiwan dan bahan pameran.

BORANG PENYERTAAN



SLEEP OVER & NIGHT SAFARI AT THE SABAH MUSEUM

Nama: _____ Saiz Baju (XS) (S) (M) (L) (XL) _____

No Kad Pengenalan: _____ **Note: Sila sertakan salinan kad pengenalan**

Asal (Sekolah/Pekan/Bandar): _____

Tarikh : 6 Mac 2015 hingga 7 Mac 2015 (Jumaat hingga Sabtu)

Pengakuan Peserta

Saya _____ No. Kad Pengenalan _____ dengan ini menyertai program "Sleep Over & Night Safari At The Sabah Museum" anjuran Jabatan Muzium Sabah di Kompleks Muzium pada 6 Mac 2015 hingga 7 Mac 2015 atas kerelaan dan risiko sendiri. Sebarang kemalangan, atau kecederaan yang berlaku yang dikaitkan dengan program ini sama ada sebelum, semasa dan selepas program, adalah atas tanggungan sendiri dan panganjur tidak dipertanggungjawabkan.

Tandatangan : _____

Nama : _____

Tarikh : _____ Pernah mengikuti Night Safari: **YA** **Tidak**
Berapa kali: _____

Kebeneran Ibumama/Penjaga

(Sila isi ruangan ini jika berumur di bawah 18 tahun)

Saya _____ ibu/bapa/penjaga kepada _____ dengan ini membenarkan anak saya menyertai program "Night Safari at The Sabah Museum" atas risiko sendiri.

Tandatangan : _____

Nama : _____

No Kad Pengenalan : _____

No. Telefon/HP : _____

Bersama-sama ini disertakan yuran sebanyak RM _____

Tarikh Tutup penyertaan : **4 Mac 2015 (Rabu)**

Nota: Penyertaan adalah terhad

Sila kembalikan borang penyertaan kepada:

Urusetia "Sleep Over & Night Safari at The Sabah Museum"

Jalan Muzium, 88300 KOTA KINABALU)

Untuk pertanyaan lanjut sila berhubung dengan Puan Mariana S. Linggan / Pn. Norsiah Jerin

Di telefon 088 253199, 088 225033

Untuk kegunaan pejabat;

Diterima oleh Jawatankuasa "Sleep Over & Night Safari at The Sabah Museum"

T/T : _____ Tarikh: _____